

10 JUL 2003

Multaqa-Tantawi (Bergambar)

MALAYSIA NEGARA ISLAM CONTOH: DR TANTAWI

Oleh: Luqman Haziq dan Mohd Razee Hassan

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Sheikh Al-Azhar Dr Mohammad Sayed Tantawi berkata Malaysia merupakan contoh bagi negara Islam lain kerana Malaysia mengamalkan ajaran sebenar Islam.

"Sudah tentu Malaysia merupakan negara Islam contoh. Lihat sahaja pembangunannya yang amat pesat dan rakyatnya juga berpegang kepada ajaran sebenar Islam dengan aman dan damai tanpa rusuhan dan huru-hara.

"Ini adalah ciri-ciri negara Islam kerana Islam adalah agama yang memajukan, bukannya memundurkan umatnya," katanya pada sidang media selepas mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Tantawi yang ditemani Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Abdul Hamid Othman berbincang mengenai pelbagai perkara berkaitan umat Islam selama 50 minit dengan Dr Mahathir.

Dr Tantawi berkata negara Islam lain harus mencontohi Malaysia dalam usaha memajukan umat Islam di negara masing-masing.

Beliau berkata Islam juga tidak suka kepada penceroboh dan orang yang memerangi orang lain.

"Islam menyuruh pengikutnya tahu akan haknya, sama ada hak itu bersangkutan dengan agama atau keduniaan.

"Pada waktu yang sama, mereka tidak boleh mencerooh. Allah tidak suka kepada orang yang memerangi dan mencerooh hak orang lain," katanya.

Dr Tantawi tiba di Malaysia hari ini untuk menghadiri persidangan tiga hari Multaqa Ulama Sedunia yang dirasmikan oleh Dr Mahathir di sini pagi tadi.

Beliau akan menyampaikan ucapan bertajuk "Beragama yang sebenar dalam era globalisasi", esok.

Beliau berkata agama Islam juga menuntut pengikutnya supaya saling bantu membantu sesama mereka dan kepada orang lain untuk kebaikan dan ketaqwaan dan bukan untuk melakukan dosa dan mencetuskan permusuhan.

"Saya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa umat Islam perlu bekerjasama antara satu sama lain. Seperti sebuah bangunan, setiap jujuk bangunan itu saling menyokong antara satu sama lain.

"Ulama Islam juga perlu memberi penerangan yang betul kepada orang Islam dan rakyat mengenai apa sahaja perkara yang berkaitan dengan umat Islam," katanya.

Ditanya mengenai Multaqa itu, Dr Tantawi berkata ia dapat memberi manfaat kepada umat Islam kerana ia menghimpunkan ulama dari segenap pelusuk dunia atas dasar persaudaraan sejati.

"Kita semua berjumpa bertujuan untuk menerangkan gambaran Islam yang sebenarnya. Menerangkan kepada manusia sejagat bahawa Islam adalah agama yang membina, membawa kemakmuran dan kebaikan, bukannya meruntuhkan, menghancurkan dan merosakkan," katanya.

Beliau berharap multaqa kali ini dapat meningkatkan kefahaman terhadap Islam, agama suci yang diturun oleh Allah Ta'ala itu membawa kebahagiaan manusia dan bukan kesusahan.

Dr Tantawi juga bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir yang menyebut bahawa umat Islam berpecah belah kerana wujudnya fahaman berbeza.

"Islam adalah agama untuk bersatu padu dan berbaik-baik, bukan untuk berpecah belah. Adalah tidak munasabah bagi umat Islam berpecah belah dalam perkara remeh-temeh ini sehingga membuatkan kita mundur dan lemah.

"Saya menyeru semua ulama supaya berganding bahu menyampaikan kefahaman

dan ajaran sebenar Islam bagi menyatu-padukan ummah dan membina kekuatan, katanya.

Beliau berkata umat Islam memerlukan ilmu pengetahuan, ekonomi selain kelengkapan ketenteraan bagi mempertahankan diri.

Mengenai cadangan Dr Mahathir mengenai penggunaan Dinar Emas dalam urusan perdagangan, Dr Tantawi berkata walaupun beliau kurang arif dalam hal ekonomi, tetapi yakin Perdana Menteri lebih arif dan berpengalaman dalam perkara itu.

"Jadi saya pasti pakar ekonomi telah mengkaji segala-galanya sebelum Perdana Menteri mengutarakan suatu rancangan yang begitu besar kesannya dan tentu ia akan memberi faedah yang amat besar kepada umat dan negara Islam.

"Pada dasarnya, saya menyokong penuh pandangan Dr Mahathir itu," katanya.

-- BERNAMA

APG RZ AZZ LAT